The well-being of its personnel and veterans is of the utmost priority, and should always be preserved, as stated in the Third Pillar of the 28th COA Superior Order, namely "Preservation of personnel's Well-Being."



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

## KERJASAMA STRATEGIK MAMPU MENAMBAH BAIK SOSIO EKONOMI VETERAN ATM



KUALA LUMPUR, 12 Januari 2022 - Timbalan Menteri Pertahanan, YB Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Kerjaya Ekonomi GIG Untuk Veteran ATM yang bertempat di Wisma Perwira ATM, Kuala Lumpur.

Majlis yang dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM bersama rakan strategik syarikat Code 7 Tech Sdn Bhd (Code 7) bakal menyediakan manfaat kepada para Veteran ATM. Kerjaya ekonomi GIG ini pastinya dapat meningkatkan taraf sosio ekonomi dan memberi peluang kerjaya kedua kepada Veteran ATM.

Turut hadir adalah Panglima Angkatan Tentera, YBhg Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM, Panglima-panglima Perkhidmatan, Pengurusan Tertinggi Kementerian dan pegawai- pegawai Kanan ATM.

\*\*\*\*\*



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

## **STRATEGIC COOPERATION POTENTIALLY IMPROVES MAF VETERANS' SOCIOECONOMIC STATUS**

KUALA LUMPUR, January 12, 2022 - The Deputy Defence Minister, Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, has inaugurated the ceremony of 'Kerjaya Ekonomi Gig Untuk Veteran ATM' at Dewan Perkasa, Wisma Perwira ATM, Ministry of Defence, Jalan Tekpi, Kuala Lumpur, here today.

The mentioned event which aims to benefit the Malaysian Armed Forces (MAF) veterans, is being organised by the MAF Veteran Affairs Department, in collaboration with Code 7 Tech Sdn Bhd (Code 7). This GIG economy career has the potential to significantly improve their socio-economic status, as well as provide career opportunities to the involved veterans.

Also present were the Chief of the Armed Forces, General Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang RMAF; Chief of Services; Senior Managements of the Defence Ministry and the MAF senior officers.





KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

## LAWATAN KERJA MENTERI KANAN PERTAHANAN KE SABAH



SABAH, 13 Januari 2022 - Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin Hussein telah menyaksikan penerimaan empat (4) buah Littoral Mission Ship (LMS) yang juga merupakan aset terbaharu milik TLDM di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Teluk Sepanggar, Kota Kinabalu.

Jika sebelum ini TLDM telah menerima dan mentauliahkan 3 LMS iaitu Kapal Diraja (KD) Keris, KD Sundang dan KD Badik, kini TLDM telah menerima aset mereka yang terbaharu iaitu LMS 4 yang dinamakan RENCONG.

RENCONG bakal melalui satu lagi detik bersejarah yang mana ia akan menerima pentaulihan pada 28 Januari 2022.

Sebaik sahaja ditauliahkan, RENCONG bakal dikenali sebagai KD RENCONG seterusnya akan menyertai Skuadron LMS Ke-11 yang berpangkalan di Pangkalan TLDM Kota Kinabalu.

Menteri Kanan Pertahanan yang sedang mengadakan lawatan kerja selama 2 hari ke Sabah akan memberi tumpuan kepada 3 perkara iaitu Penerimaan Kapal Littoral Mission Ship (LMS), OPERASI MURNI (OPS MURNI) Sabah serta Agenda Keselamatan dan Pertahanan Sabah.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

Bagi Op Murni Negeri Sabah, kesiapsiagaan ATM untuk meneruskan kerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri Sabah serta setiap agensi berkepentingan menerusi Operasi Murni (OPS MURNI) Negeri Sabah akan terus berada pada tahap tertinggi.

Anggota Tentera Darat Malaysia telah diatugerak bukan sahaja untuk membantu memindahkan mangsa banjir ke kawasan selamat terutama Pusat Pemindahan Sementara (PPS), tetapi juga menghantar barang keperluan dan makanan serta membantu penyediaan makanan di PPS sejak hari pertama banjir melanda beberapa kawasan di Sabah.

385 anggota bersama 50 aset daripada Briged Kelima Infantri Malaysia bagi kawasan Pantai Barat Sabah dan Briged Ke-13 Infantri Malaysia bagi kawasan Pantai Timur Sabah sedang diletakkan dalam keadaan bersiapsiaga untuk diatugerak pada bila-bila masa di negeri Sabah pada ketika ini.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pertahanan, YB Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz; Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz serta pegawai-pegawai kanan awam dan tentera Kementerian Pertahanan.

\*\*\*\*\*

## **SENIOR DEFENCE MINISTER ON A WORKING VISIT TO SABAH**

SABAH, January 13, 2022 – Dato' Seri Hishammuddin Hussein, Senior Defence Minister, has witnessed the handover of four (4) Littoral Mission Ships (LMS), the latest assets of the Royal Malaysian Navy (RMN), at the RMN Base in Teluk Sepanggar, Kota Kinabalu.

Earlier, the RMN had received and commissioned three previous LMS, namely Kapal Diraja (KD) Keris, KD Sundang and KD Badik, and it came to the day of receiving the fourth LMS, named Rencong.

Rencong will join the 11th LMS Squadron in RMN Base Kota Kinabalu when it receives its commissioning which has been scheduled for January 28, after which it will be known as KD Rencong.

According to the Senior Defence Minister, his visit is focused on the handover of the LMS, OPERASI MURNI (OPS MURNI) in Sabah, as well as the Sabah Security Agenda and its Defence.

Also, the Malaysian Armed Forces (MAF) will continue to work closely with the Sabah government and relevant agencies through the OPS MURNI Sabah to ensure disaster preparedness is at its highest level of all time.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

---

**BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN**

Since the first day of the floods that affected some areas in Sabah, the Malaysian Army personnel have been deployed not only to help evacuate flood victims but also to send essentials and food, as well as help prepare food at evacuation centres.

A total of 385 personnel along with 50 assets from the Fifth Malaysian Infantry Brigade for the West Coast of Sabah and the 13th Malaysian Infantry Brigade for the East Coast of Sabah are being placed in a state of readiness to be deployed at any time in Sabah.

Also present, Defence Deputy Minister, Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz; Secretary General of Defence Ministry, Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, along with the senior civil servants and the involved military officers.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

## LAWATAN KERJA MENTERI KANAN PERTAHANAN KE MARKAS ANGKATAN TUGAS BERSAMA 2 (MK ATB 2)



SABAH, 14 Januari 2022 - Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin Hussein telah mengadakan lawatan ke Markas Angkatan Tugas Bersama 2 (MK ATB 2).

Lawatan ini adalah untuk mendapatkan gambaran lebih jelas dan terperinci berhubung perkembangan terkini pelaksanaan ESSCOM serta situasi semasa keselamatan Sabah.

Selain daripada menambahbaik inisiatif-inisiatif sedia ada di bawah ESSCOM, ia juga bagi mengkoordinasi perancangan ke hadapan demi memperkukuh pertahanan di negeri Sabah ini terutama di ESSZone dengan bersandarkan bentuk ancaman semasa.

Bagi memperkasakan lagi usaha keselamatan dan pertahanan Sabah, beberapa inisiatif baharu akan dilaksanakan.

Antaranya ialah pembinaan satu kem baharu bagi tentera darat pada tahun ini di Felda Sahabat, Lahad Datu serta merencanakan dan memperkasakan lagi inisiatif Trilateral Cooperative Arrangement (TCA) melibatkan kerjasama angkatan tentera Malaysia, Indonesia dan Filipina bagi meningkatkan kawalan keselamatan di Laut Sulu dan Sulawesi.

Turut serta, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz serta pegawai-pegawai kanan awam dan tentera Kementerian Pertahanan.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

\*\*\*\*\*

## **SENIOR DEFENCE MINISTER ON A WORKING VISIT TO JOINT TASK FORCE 2 HEADQUARTERS**

SABAH, January 14, 2022 – Dato' Seri Hishammuddin Hussein, the Senior Defence Minister, made a visit to the Joint Task Force 2 Headquarters, here today. The visit aims to have a comprehensive understanding of the most recent developments in the implementation of ESSCOM as well as the current security situation in Sabah. Hence, several efforts and initiatives will be implemented to further increase the security and defence of this state.

Among them is the construction of a new military camp in Felda Sahabat, Lahad Datu, as well as efforts to strengthen the Trilateral Cooperative Arrangement (TCA) involving the cooperation of the Malaysian, Indonesian and Philippine armed forces to boost security in the Sulu Sea and Sulawesi waters.

Also present, Secretary General of the Defence Ministry, Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, along with the senior civil servants and the involved military officers.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

## MENTERI KANAN PERTAHANAN SEMPURNAKAN MAJLIS AMANAT MENTERI KANAN PERTAHANAN 2022



KUALA LUMPUR, 17 Januari 2022 - Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein telah menyempurnakan Majlis Amanat Menteri Kanan Pertahanan 2022 bertempat di Wisma Perwira ATM.

Amanat 2022 ini merupakan gambaran hala tuju perancangan MINDEF dan ATM bagi tahun ini di bawah Pelan Tindakan 2022 atau PT22.

Terdapat 8 Teras yang telah dimuktamadkan secara bersama hasil beberapa siri penelitian dan perbincangan antara semua pihak berkepentingan pada tahun lalu.

Menteri Kanan Pertahanan turut berkesempatan menyampaikan beberapa sumbangan antaranya sumbangan kepada warga Kementerian Pertahanan yang menjadi mangsa banjir.

Sejumlah 214 kakitangan Kementerian Pertahanan telah didapati terkesan dengan bencana banjir yang berlaku baru-baru ini.

Beliau juga turut menyampaikan sumbangan 'test kit' COVID-19 kepada pengurusan sekolah dalam kawasan kem untuk digunakan bagi membuat ujian sendiri terhadap pelajar dan guru serta kakitangan sekolah bagi memastikan persekitaran sekolah dalam kawasan kem-kem ATM adalah selamat.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

Akhir sekali, Menteri Kanan Pertahanan juga telah menyerahkan sumbangan Back to School kepada anak-anak kakitangan awam yang kurang berkemampuan.

Seramai 100 buah keluarga telah terpilih untuk menerima sumbangan Back To School ini dengan nilai sumbangan sebanyak RM200 bagi setiap keluarga.

Turut hadir dalam majlis adalah Timbalan Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz; Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Muez bin Abd Aziz; Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi bin Buang TUDM; Pengurusan Tertinggi Kementerian Pertahanan dan Panglima-panglima Perkhidmatan serta pegawai-pegawai kanan awam dan ATM.

\*\*\*\*\*

## **SENIOR DEFENCE MINISTER HOLDS '2022 SENIOR DEFENCE MINISTER MANDATE' CEREMONY**

KUALA LUMPUR, January 17, 2022 – Senior Defence Minister, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein delivered a speech at the 2022 Senior Defence Minister Mandate Ceremony at Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia, here today.

This 2022 mandate is a coordination that coordinates the plans and directions of both MINDEF and the Malaysian Armed Forces (MAF) under the 2022 Action Plan (PT22). The finalised eight key thrusts were based on a series of studies and thorough discussions between all stakeholders over the past year.

On the same occasion, the Senior Defence Minister also had the opportunity to present aid to Defence Ministry personnel who were affected by the recent natural disaster, with a total of 214 flood victims.

He also provided the COVID-19 test kit to the school in the military camp areas to be used by the students, teachers, and their staff to ensure a COVID-free environment.

Lastly, with a total of 100 families, the Senior Defence Minister provided the "Back to School" contributions for the children of the less fortunate civil servants, with a donation of RM200 to each family.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

—MALAYSIA—

**BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN**

Also present at the ceremony were the Defence Deputy Minister, Dato' Seri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz; Secretary General of the Defence Ministry, Dato' Sri Muez bin Abd Aziz; Chief of the Malaysian Armed Forces, General Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi bin Buang RMAF, the Ministry of Defence Top Management, Chief of Services, as well as senior civil servants and MAF officers.





KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

## ATM JAYAKAN PROGRAM VAKSINASI PANDU LALU DOS PENGALAK



KELANTAN, 18 Januari 2022 - Seramai 7,072 anggota tentera, staf awam Kementerian Pertahanan (KEMENTAH) dan seluruh keluarga terdiri daripada pasukan bawah naungan dan pentadbiran Kawasan Tanggungjawab (KTJ) Briged Kelapan Infantri Malaysia (8 Bgd) menerima vaksin yang dilaksanakan secara pandu lalu di Kok Lanas sejak 12 Januari 2022.

Perlaksanaan program ini bertujuan memastikan proses vaksinasi dos penggalak disegerakan agar tiada golongan yang tercicir dan seterusnya mencapai sasaran imuniti kelompok dalam kalangan anggota dan keluarga.

Panglima 8 Bgd, Brig Jen Abu Hasan Ashaa'ari Kamis@Shaffiee berkesempatan melawat dan meninjau pengoperasian Pusat Pemberian Vaksin (PPV) pandu lalu tersebut yang mana terdapat empat laluan serta enam stesen suntikan melibatkan seramai 45 petugas.

Selain itu, program imunisasi ini turut dilaksanakan di Negeri Terengganu iaitu di Batalion Ke-18 Rejimen Askar Melayu Diraja (Para) (18 RAMD (Para) dengan penglibatan seramai 1,002 anggota tentera, awam KEMENTAH dan keluarga.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

Program ini dijangka selesai pada 18 Januari 2022 sekaligus sejajar dengan Tonggak Ketiga Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Pelestarian Kesejahteraan Warga yang mengutamakan aspek kesihatan bagi mencapai tahap imuniti kelompok.

Sumber : Markas Briged Kelapan Infantri Malaysia

\*\*\*\*\*

## **MAF SUCCESSFULLY ADMINISTERED BOOSTER DRIVE-THROUGH PROGRAMME**

KELANTAN, January 18, 2022 – Since January 12, a total of 7,072 military personnel, Defence Ministry civil servants, and the entire team under the administration of Kawasan Tanggungjawab (KTJ), 8th Infantry Brigade headquarters (8 Bgd), have been vaccinated as part of the drive-through vaccination pilot project in Kok Lanas.

This initiative aims to accelerate our booster vaccination programme as an effort towards herd immunity among the military personnel and their families.

Commander of the 8 Bgd, Brigadier General Abu Hasan Ashaa'ari Kamis@Shaffiee had the opportunity to oversee the operation of the Drive-Through Vaccine Center (PPV), which consisted of four lanes and six vaccination stations with 45 personnel.

Apart from that, this immunisation programme was also conducted in the 18th Battalion Royal Malay Regiment (Para) (18 RAMD (Para)), Terengganu, involving 1,002 military personnel, MINDEF civil servants and their families.

The said programme, which was set to end on January 18, is in accordance with the Third Pillar of the 28th Chief of Army Superior Order, namely "Preservation of Personnel's Well-Being," that emphasises the health aspects of personnel in achieving herd immunity during this pandemic.

Source: 8th Infantry Brigade headquarters



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

## WARGA ATM TERKESAN BANJIR TERIMA SUMBANGAN DARI LEMBAGA TABUNG ANGGKATAN TENTERA (LTAT)



KUALA LUMPUR, 19 Januari 2022 – Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM telah menyempurnakan penyerahan sumbangan bantuan untuk di salurkan kepada warga ATM yang terjejas banjir bertempat di Ruang Perkasa, Wisma Pertahanan.

Bantuan ini yang merupakan inisiatif Panglima Angkatan Tentera dengan kerjasama Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), sedikit sebanyak dapat meringankan beban yang ditanggung oleh warga ATM yang terjejas banjir baru-baru ini.

Sumbangan barangan elektrik tersebut berupa 500 unit peti sejuk, 550 unit cerek elektrik, 410 unit periuk nasi elektrik dan 400 unit dapur dua burner ini juga merupakan antara barangan peralatan asas utama yang diperlukan selain bantuan yang telah disumbangkan oleh Kerajaan United Arab Emirates (UAE) dan Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT) ATM serta bantuan kewangan dari Tabung Kebajikan Angkatan Tentera (TKAT).

Majlis penyerahan sumbangan pada hari ini telah disampaikan secara simbolik oleh Panglima Angkatan Tentera kepada Panglima-Panglima Perkhidmatan iaitu Panglima Tentera Darat Malaysia, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Zamrose bin Mohd Zain; Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia, Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sani dan Panglima Tentera Udara Diraja Malaysia, Jeneral Tan Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM untuk disalurkan kepada 236



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

mangsa banjir warga ATM di sekitar Lembah Klang yang terdiri daripada 97 keluarga warga TDM, 27 keluarga warga TLDM dan 58 keluarga warga TUDM.

Disamping itu, seramai 54 keluarga warga ATM yang bertugas di Markas Angkatan Tentera Malaysia juga turut menerima sumbangan bantuan tersebut yang telah disampaikan kepada Ketua Staf Markas ATM, Leftenan Jeneral Datuk Mohd Zakaria bin Hj Yadi.

Secara keseluruhan, seramai 1,207 warga ATM yang terjejas banjir telah direkodkan terdiri daripada 1,061 keluarga dan 146 anggota bujang. Sehingga kini, TKAT juga telah menyalurkan bantuan kewangan berjumlah RM 1,134,000.00 kepada semua mereka yang terkesan akibat banjir.

Sumber : Markas Angkatan Tentera Malaysia

\*\*\*\*\*

## **ARMED FORCES FUND BOARD (LTAT) DONATES ESSENTIALS TO MAF FLOOD VICTIMS**

KUALA LUMPUR, January 19, 2022 – The Chief of the Malaysian Armed Forces, General Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang RMAF, has attended the handover donation ceremony at Ruang Perkasa, Wisma Pertahanan, today. The aid will be distributed to personnel of the Malaysian Armed Forces (MAF) who have been impacted by the recent floods.

This contribution is an initiative set by the Chief of the Malaysian Armed Forces, in collaboration with the Armed Forces Fund Board (LTAT), which offers to help ease the burden of the victims.

Among the items distributed were 500 units of refrigerators, 550 units of electric kettles, 410 units of electric rice cookers and 400 units of double stoves, along with the previous donations by the United Arab Emirates (UAE) government and Malaysian Armed Forces Family Welfare Association (Bakat), as well as financial assistance from the Armed Forces Welfare Fund (TKAT).

This ceremony was presented by the Chief of the Malaysian Armed Forces to the Chief of Services, namely the Chief of the Malaysian Army, General Tan Sri Dato' Sri Zamrose bin Mohd Zain; Chief of the Royal Malaysian Navy, Admiral Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sani; and the Chief of the Royal Malaysian Air Force, General Tan Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad RMAF, to be distributed to 236 MAF flood victims around the Klang Valley, consisting of 97 Malaysian Army families, 27 RMN families and 58 families of RMAF personnel.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

**BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN**

In addition, 54 families of MAF personnel who are in service under the Malaysian Armed Forces Headquarters also received the contribution, which was presented to the MAF Headquarters Chief of Staff, Lieutenant General Datuk Mohd Zakaria bin Hj Yadi.

In total, 1,207 MAF personnel impacted by the floods were identified, comprising 1,061 families and 146 individuals. Also, to date, TKAT has also provided monetary aid amounting to RM 1,134,000.00 to all the victims.

Source: Malaysian Armed Forces Headquarters



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

## JAMBATAN SEMENTARA SIAP SEPENUHNYA



JELEBU, 20 Januari 2022 - Tentera Darat Malaysia (TDM) melalui Markas Rejimen Askar Jurutera Diraja (MK RAJD) Divisyen Ketiga Infantri Malaysia (3 Divisyen) dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Sembilan berjaya menyiapkan jambatan Compact Bailey Single Lane (CB 200) yang menyeberangi Sungai Triang, bagi menggantikan jambatan asal yang runtuh akibat banjir baru-baru ini.

Jambatan sementara tersebut yang menghubungkan Kampung Bemban dengan Kampung Jerang pada awalnya dijangka siap pada 20 Januari 2022, namun berkat usaha kerjasama yang gigih daripada TDM dan JKR telah berjaya menyiapkannya sehari lebih awal daripada jangkaan yang mana diisytiharkan siap sepenuhnya oleh JKR pada jam 5 petang, 19 Januari 2022.

Jambatan sementara tersebut bakal dimanfaatkan oleh penduduk di kawasan terbabit setelah hampir sebulan lebih terputus laluan perhubungan di antara kedua-dua kampung berkenaan.

Usaha murni ini juga seiring dengan Tonggak Kelima Perintah Ulung PTD Ke-28 iaitu, "Peningkatan Hubungan Tentera Darat Dengan Awam", yang memberikan penumpuan kepada aspek pembentukan keyakinan dan pengiktirafan rakyat kepada TDM.

Sumber : Tentera Darat Malaysia



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

\*\*\*\*\*

## **MALAYSIAN ARMY COMPLETED A BAILEY BRIDGE IN NEGERI SEMBILAN**

JELEBU, January 20, 2022 – The Malaysian Army (TDM) through the Third Infantry Division of Royal Army Engineers Regiment Headquarters (MK RAJD) in a joint effort project with Negeri Sembilan Public Works Department (JKR) have successfully built a Compact Bailey Single Lane (CB 200), across Sungai Triang to replace the previous bridge which has been swept away in recent floods, yesterday.

Due to the efforts of all parties concerned, the temporary bridge linking Kampung Bemban and Kampung Jerang was completed at 5 p.m. on January 19—a day ahead of its schedule.

The temporary bridge will be used by the nearby villagers after the main routes of both villages have been cut off for almost a month.

Such assistance is aligned with the Fifth Pillar of the 28th Chief of Army Superior Order, namely "Improving Army and Civil Relations", which emphasises the importance of boosting confidence and public acknowledgement towards the credibility and capabilities of the Malaysian Army.

Source: Malaysian Army



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

## TUDM MENJAYAKAN MISI PENGHANTARAN BAHAN API KE MENARA TELEKOMUNIKASI TELEKOM MALAYSIA (TM) GUNUNG TELAPAK BUROK



JELEBU, 17 Januari 2022 - Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) telah mengatur gerak sebuah pesawat Helikopter EC 725 AP dari No. 10 Skuadron bagi membantu menghantar bekalan bahan api ke menara telekomunikasi Telekom Malaysia (TM) Gunung Telapak Burok.

Bencana alam yang melanda baru-baru ini telah mengakibatkan tanah runtuh di beberapa kawasan dan menyebabkan laluan darat untuk menaiki ke kawasan tersebut telah terputus hubungan.

Walaupun dengan keadaan cuaca dan angin yang tidak menentu, operasi selama 2 hari yang diketuai oleh Pegawai Memerintah No 10 Skuadron, Lt Kol Muhammad Fazri bin Md Zin TUDM telah berjaya melaksanakan 13 sortie penerbangan dengan menghantar sebanyak 41,600 kg bekalan bahan api ke menara telekomunikasi tersebut.

Penghantaran udara yang dilaksanakan oleh TUDM ini adalah usahasama di antara Majlis Keselamatan Negara, Platun Hantaran Udara 10 Briged PARA, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Telekom Malaysia serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Komander Pesawat; Mej Mohd Asrul bin Junid TUDM, Mej Muhammad Uwais bin Md Zain TUDM, Mej Mohd Noor Khairul bin Kamarudin TUDM, Mej Mohd Rafiq bin Rahmad TUDM,





KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

Mej Muhamad Hijaz bin Kamarudin TUDM, Kapt Rozaini bin Abd Mutalib TUDM bersama tiga (3) orang Pembantu Juruterbang, enam (6) orang Kuartermaster Udara, tiga (3) orang anggota juruteknik dan empat (4) orang anggota PASKAU ini telah melaksanakan penerbangan ke SK Sri Pantai terlebih dahulu iaitu LP dan Pickup Point bagi tempat pengumpulan bahan api.

Seramai enam belas (16) anggota TM, enam (6) anggota Platun Hantaran Udara 10 Brigid dan tujuh (7) anggota Bomba telah dihantar menggunakan kaedah hoisting ke puncak Gunung Telapak Burok sebagai kumpulan awal bagi penerimaan bahan api tersebut.

Penghantaran setiap bahan api tersebut telah dilaksanakan menggunakan kaedah “cargo sling” ke puncak gunung tersebut yang berketinggian 3,780 kaki dari aras laut.

Sebagai organisasi di bawah Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang turut terlibat sebagai barisan hadapan, TUDM sentiasa memberikan komitmen yang tinggi dan bersedia sedia sebilang masa untuk melaksanakan tanggungjawab serta amanah yang perlu.

TUDM juga turut mendukung usaha kerajaan bagi memastikan negara dan masyarakat sentiasa dalam keadaan selamat serta sejahtera.

Penghargaan dan syabas kepada anak kapal No. 10 Skuadron, agensi-agensi kerajaan serta NGO yang terlibat dan juga bahagian kejuruteraan serta unit-unit sokongan No. 10 Skuadron yang telah memastikan keadaan pesawat sentiasa berada di tahap kesiapsiagaan yang tinggi untuk melaksanakan sebarang misi.

\*\*\*\*\*

## **FUEL SUPPLY: RMAF DELIVERS FUEL TO TM TELECOMMUNICATIONS TOWER AT GUNUNG TELAPAK BUROK**

JELEBU, January 17, 2022 – The Royal Malaysian Air Force (RMAF) has deployed an EC 725 AP Helicopter from No. 10 Squadrons to assist with fuel deliveries to the Telekom Malaysia (TM) telecommunications tower at Gunung Telapak Burok. This occurs as the recent floods have resulted in landslides in some areas, which have caused terrible route cut-offs.

Despite the inclement weather and strong winds, this two-day mission led by No. 10 Squadron Commanding Officer, Lt Col Muhammad Fazri bin Md Zin RMAF, has successfully flown 13 sorties and delivered 41,600 kg of fuel to the tower.

This mission is a joint effort between the National Security Council, 10th Brigade Aerial Delivery Platoon, Fire and Rescue Department of Malaysia, Malaysia Civil Defence Force, and Telekom Malaysia.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

The Aircraft Commander; Major Mohd Asrul bin Junid RMAF, Major Muhammad Uwais bin Md Zain RMAF, Major Mohd Noor Khairul bin Kamarudin RMAF, Major Mohd Rafiq bin Rahmad RMAF, Major Muhamad Hijaz bin Kamarudin RMAF, and Captain Rozaini bin Abd Mutalib RMAF, along with three (3) Assistants Pilots, six (6) Air Quartermasters, three (3) technicians and four (4) PASKAU personnel, were involved in this operation. They proceeded to SK Sri Pantai, which is the LP and Pickup Point, to get the fuel to be distributed to the said location.

During this operation, a hoisting method is being used to transport sixteen (16) members of TM, six (6) members of the 10th Brigade Aerial Delivery Platoon, and seven (7) members of the Fire Brigade to the peak of Gunung Telapak Burok as the first batch to receive the fuel.

By using the cargo sling method, the fuel was delivered to the peak of the mountain, which is 3,780 feet above sea level.

As one of the services and frontliners under the Malaysian Armed Forces (MAF), RMAF pledges to show strong commitment and vigilance towards any responsibilities and duties entrusted to them.

Also, the RMAF will strongly support the government's effort to protect our nation and people from all possible threats.

Kudos to the members of No.10 Squadron and its support units, government agencies, NGOs and the engineering division, which are responsible for ensuring that the aircraft are always in a state of readiness to carry out their mission at all times.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

## PROGRAM VAKSINASI DOS PENGGALAK PANDU LALU 30 BGD



PERLIS, 21 Januari 2022 - Seramai 720 anggota tentera, keluarga dan staf awam menerima suntikan vaksin dos penggalak di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Pandu Laluan Kem Bukit Cowder pada 16 Januari 2022.

Perlaksanaan program ini merupakan satu alternatif dalam mempercepatkan proses pemberian suntikan vaksin COVID-19 berbanding pemberian suntikan secara statik, sekaligus berupaya mencapai imuniti kelompok dengan lebih cepat.

Pengoperasian PPV ini terdiri daripada tiga laluan kenderaan dan tiga stesen suntikan melibatkan seramai 25 petugas kesihatan dari Kor Kesihatan Diraja (KKD) dan kerani pasukan yang terlibat.

Perlaksanaan program ini selari dengan Tonggak Ketiga Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Pelestarian Kesejahteraan Warga yang menitikberatkan aspek kesihatan dan kesejahteraan sendiri.

Sumber : Markas Briged Ke-30 Infantri Malaysia

\*\*\*\*\*



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

## **30 BGD CONDUCTS DRIVE THROUGH BOOSTER SHOT PROGRAMME**

PERLIS, January 21, 2022 – On January 16, a total of 720 military personnel, their families and civil servants received their COVID-19 booster shots as part of the National COVID-19 Immunization Program (NIP) at Bukit Cowder Camp Drive-through vaccination centre (PPV).

This programme intends to speed up the COVID-19 vaccine administration process compared to static vaccination in order to accelerate the pace of herd immunity.

This PPV is operated with three vehicle lanes and three vaccination stations with 25 health workers from the Royal Health Corps (KKD) and the administrators of the involved teams.

The said programme is in accordance with the Third Pillar of the 28th Chief of Army Superior Order, namely "Preservation of Personnel's Well-Being," which emphasises the health aspects and well-being of its personnel at all times.

Source: 30th Infantry Brigade Headquarters



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

## LAWATAN KERJA PANGLIMA TENTERA UDARA KE PANGKALAN UDARA BUTTERWORTH DAN PUSAT HOSPITALITI TENTERA UDARA



TANJUNG BUNGAH, 21 Januari 2022 - Panglima Tentera Udara, Jen Tan Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM telah mengadakan lawatan kerja dua (2) hari ke Pangkalan Udara Butterworth dan Pusat Hospitaliti Tentera Udara (PHU) bermula 20 hingga 21 Januari 2022.

Lawatan ini merupakan lawatan rasmi beliau bagi memastikan tahap kesiagaan setiap pangkalan dalam keadaan yang baik. Turut serta di dalam lawatan ini adalah isteri Panglima Tentera Udara, Puan Sri Norainy binti Shahar Alam selaku Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Udara (JTBU).

Ketibaan Panglima Tentera Udara dan delegasi pada 20 Januari 2022 di Pangkalan Udara Butterworth telah disambut oleh Komander Pangkalan, Brig Jen Norli Hisham bin Alwi TUDM serta isteri, Puan Ros Hana binti Ariffin selaku Pengerusi BAKAT Udara PU Butterworth dan kumpulan Eksekutif Pangkalan.

Aktiviti lawatan dimulakan dengan penyampaian sumbangan kebajikan kepada Mej Mohd Fareez bin Omar TUDM yang mengalami kecederaan serius di bahagian tulang belakang akibat kemalangan pesawat Hawk 108 yang lalu.



Setelah itu, Panglima Tentera Udara melawat ke No. 3 Skuadron bagi majlis pengenalan dua (2) buah pesawat helikopter AW 139.

Ketibaan Panglima Tentera Udara di hangar No. 3 Skuadron telah disambut oleh Pengawai Memerintah No. 3 Skuadron, Lt Kol Mohd Faizal bin Abdul Latif TUDM serta warga No. 3 Skuadron. Terdahulu No. 3 Skuadron telah mengoperasikan pesawat helikopter Sikorsky S-61 atau lebih dikenali sebagai Helikopter Nuri.

Setelah pengoperasian Helikopter Nuri ini tidak diteruskan, No. 3 Skuadron kini telah menerima dua (2) buah pesawat helikopter AW 139 pada 4 Disember 2021 dan dijangkakan akan menerima dua (2) buah pesawat helikopter jenis yang sama pada Februari 2022 dan April 2022. Penerimaan pesawat helikopter AW 139 secara sewaan ini adalah berkonsepkan 'Government Operate, Company Own and Maintain' (GOCOM) dari pihak Westar Aviation Services Sdn. Bhd. Kini, No. 3 Skuadron masih di dalam fasa latihan yang melibatkan 8 orang Juruterbang dan 4 orang Kuartermaster Udara di PWN Excellence, Subang.

Panglima Tentera Udara seterusnya melawat Hornet Readiness Centre (HRC) bagi melihat sendiri keadaan pesawat F/A-18D Hornet dari No. 18 Skuadron yang sedang menjalani proses baikpulih di bawah program Local Planned Maintenance 12 Years (LPMY12). Selesai taklimat berkenaan pesawat, beliau kemudiannya meluangkan masa bagi Sesi Dialog bersama pegawai-pegawai PU Butterworth di Auditorium No. 18 Skuadron. Sebagai Pucuk Pimpinan Tertinggi TUDM, adalah menjadi tanggungjawab beliau dalam memberi nasihat dan peringatan agar warga pangkalan sentiasa bersedia dalam apa jua situasi yang mendatang. Beliau menegaskan agar seluruh warga TUDM amnya mempunyai sikap 'Be able to adapt' yang bermaksud sentiasa menyesuaikan diri dengan keadaan semasa agar organisasi TUDM sentiasa di landasan yang tepat dalam mempertahankan kedaulatan ruang udara negara. Beliau juga turut memperingatkan agar sentiasa berfikiran ke hadapan. Ini penting bagi menjadikan TUDM sentiasa bersiap siaga selari dengan Pelan Pembangunan Keupayaan TUDM yang dikenali sebagai "CAP 55". Bagi menjadikan TUDM sebagai Kuasa Udara yang Unggul, beliau menegaskan agar setiap lapisan Warga TUDM perlu bekerjasama seperti mana yang termaktub di dalam Nilai Teras TUDM yang ke-4 iaitu 'Esprit de Corps' dan sentiasa memainkan peranan masing-masing dalam melaksanakan amanah yang diberikan.

Serentak di dalam program ini ialah program lawatan oleh BAKAT JTBU yang menumpukan kepada lawatan kebajikan. Pengerusi JT BAKAT Udara telah menyampaikan sumbangan kebajikan kepada tiga (3) ahli BAKAT Udara PU Butterworth yang ditimpa musibah banjir tahun lalu. Turut berlangsung ialah sesi dialog dan ramah mesra di antara Pengerusi dan ahli JTBU bersama ahli BAKAT Udara PU Butterworth. Di sesi ini, Pengerusi JTBU mengingatkan agar semua ahli-ahli BAKAT Udara agar sentiasa memupuk kerjasama di antara satu sama lain. Beliau juga mengingatkan agar sentiasa mengamalkan perbelanjaan secara berhemah. Di akhir ucapan, beliau mengingatkan kepada semua ahli-ahli BAKAT Udara agar kembali kepada teras utama penubuhan BAKAT iaitu mengutamakan soal kebajikan.



Pada lawatan kerja hari ke-2 Panglima Tentera Udara diteruskan lagi dengan lawatan kerja ke Pusat Hospitaliti Tentera Udara (PHU), Tanjung Bungah. Penubuhan PHU di lokasi yang sebelum ini menempatkan Sekolah Ikhtisas Tentera Udara (SITU) atau kini dikenali sebagai Institut Kepimpinan dan Pengurusan (INSKEP), kini berwajah baru berperanan sebagai pasukan yang memberikan bantuan logistik dan pentadbiran kepada Sekolah Kulineri dan Hospitaliti (SKH) TUDM. PHU juga bertindak sebagai satu entiti platform pelaksanaan bengkel/seminar TUDM. Tanggal 21 Januari 2022 mencipta sejarah kepada TUDM apabila, Panglima Tentera Udara telah menyempurnakan perasmian PHU dengan secara rasminya setelah ia mula beroperasi sejak 1 Oktober 2020. Sebagai sebuah platform pelaksanaan bengkel dan seminar TUDM, adalah menjadi kewajipan PHU menyediakan prasarana dan hospitaliti yang terbaik bagi memastikan keselesaan peserta dan kelancaran kursus/bengkel/seminar yang dirancang. Panglima Tentera Udara turut melihat sendiri bilik-bilik penginapan dan fasiliti yang disediakan. Beliau memuji dan amat berpuashati dengan penyediaan bilik dan fasiliti yang dibekalkan mengikut arus pemodenan.

Selesai majlis perasmian, beliau telah dibawa melihat Sekolah Kulineri dan Hospitaliti (SKH) yang melahirkan para chef TUDM. SKH yang sebelum ini bertempat di Akademi Tentera Udara (ATU), kini telah berpindah ke PHU bermula awal Jan 2021. Kini SKH telah disediakan dengan kemudahan fasaliti dan peralatan yang lengkap.

Sementara itu, Pengerusi JTBU bersama delegasi lawatan telah dibawa ke Dewan Khalid Al-Walid bagi menyempurnakan acara lawatan ke BAKAT Udara PHU. Puan Sri Norainy telah menyampaikan sumbangan kebajikan buat adik Muhammad Zareef Zakwan yang mengidap sakit kronik ketidakupayaan fizikal (microcephaly) sejak lahir. Adik Zareef Zakwan perlu menjalani rawatan fisioterapi di Hospital Pulau Pinang setiap bulan. Aktiviti diteruskan dengan dialog bersama ahli-ahli BAKAT Udara PHU. Di sesi ini Pengerusi JTBU menyampaikan hasrat beliau agar ahli BAKAT Udara sentiasa mengingati teras utama penubuhan BAKAT dan sentiasa bekerjasama dan merapatkan ukhuwah di antara satu sama lain.

Turut serta di lawatan ini adalah Panglima Operasi Udara, Lt Jen Dato' Indera Hj Mohammad Salleh bin Hj Osman TUDM; Panglima Pendidikan dan Latihan Udara, Mej Jen Dato' Mohd Shahada bin Ismail TUDM; Panglima Wilayah Udara 1, Mej Jen Dato' Zahani bin Zainal Abidin TUDM; AKS Perancangan dan Pembangunan, Mej Jen Dato' Muhammad Tarminzi bin Hj Mustapha TUDM; AKS Tadbir, Brig Jen Dato' Hj Mohd Suhaimi bin Hj Sahri TUDM; Ketua Pengarah Sekretariat, Brig Jen Dato' Hanafiah bin Hj Abdul Manaf TUDM serta pegawai-pegawai kanan TUDM.

Sumber : Tentera Udara Diraja Malaysia

\*\*\*\*\*



## **AIR FORCE CHIEF ON A WORKING VISIT TO BUTTERWORTH AIR BASE AND PUSAT HOSPITALITI TENTERA UDARA (PHU)**

TANJUNG BUNGAH, January 21, 2022 - The Chief of the Air Force, General Tan Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad RMAF is on his two-day working visit to Butterworth Air Base and Pusat Hospitaliti Tentera Udara (PHU) from January 20 to 21.

This official visit intends to ensure that each base always maintains an excellent level of vigilance. Participating in the visit was Puan Sri Norainy binti Shahar Alam, wife of the Air Force Chief and the Chairperson of the Air Force BAKAT Supreme Council (JTBU).

The arrival of the Air Force Chief and his entourage to Butterworth Air Base on January 20 was warmly welcomed by the Base Commander, Brigadier General Norli Hisham bin Alwi RMAF, and his wife, Puan Ros Hana binti Ariffin, as the Chairperson of the Air Force BAKAT and the Base Executive Group.

The visit began with a donation presentation to Major Mohd Fareez bin Omar RMAF, who sustained major spinal injuries due to the previous Hawk 108 plane tragedy.

Following that, he went to No. 3 Squadron to witness the induction ceremony of two (2) AW 139 helicopters.

His arrival at hangar No. 3 Squadron was greeted by No. 3 Squadron Commanding Officer, Lt Colonel Mohd Faizal bin Abdul Latif RMAF, along with the squadron personnel. In addition, this squadron previously operated Sikorsky S-61 helicopters, also known as Nuri Helicopters.

After the termination of the Nuri Helicopter operation, No. 3 Squadron has now received two (2) AW 139 helicopters on December 4 and is scheduled to receive two (2) more of the same kind on February 22 and April 22. The helicopters, which are operated by the service on lease, are under the 'Government Operate, Company Own and Maintain' (GOCOM) concept, after securing a deal with Weststar Aviation Services Sdn. Bhd. Currently, No.3 Squadron is in a training phase involving eight pilots and four air quartermasters at PWN Excellence, Subang.

Also, the Air Force Chief visited the Hornet Readiness Centre (HRC) to witness the Hornet F/A-18D aircraft from No. 18 Squadron undergoing overhaul under the Local Planned Maintenance for 12 Years (LPMY12) programme. Following the aircraft briefing, he had a dialogue session with the officers of Butterworth Air Base at No. 18 Squadron Auditorium. As the RMAF leader, he is in a capacity to advise and remind the troops to remain on guard at all times. He emphasised that all RMAF personnel should have the attitude of "be able to adapt," which means being able to respond to changing circumstances in order to preserve the sovereignty of our airspace. He also reminded the team that foresight practise should be implemented in line with their capability development plan, known as "CAP 55." Also, the Air Force Chief urged them to uphold the RMAF's 4th core value, namely "esprit de corps," by working together as a team and taking responsibility for the tasks assigned to them.





KEMENTERIAN PERTAHANAN

MALAYSIA

BERITA PORTAL RASMI KEMENTERIAN PERTAHANAN

